

# Malaysia yakin pulih

UM - 4 FEB 2002

Daripada

OTHMAN MOHAMAD

**N**EW YORK 3 Feb. — Ekonomi Malaysia menerima kesan paling sedikit ekoran perkembangan tragedi 11 September, berbanding dengan negara-negara lain yang terdedah kepada risiko-risiko pasaran dan kewangan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ekonomi Malaysia turut menerima kesan daripada kemelesetan ekonomi Amerika Syarikat (AS) semata-mata kerana AS merupakan rakan dagangan utama.

Beliau yang juga Men-

teri Kewangan berkata, Malaysia tetap berkeyakinan malahan berkeyakinan dapat memulihkan keadaan dalam masa yang lebih pantas daripada yang lain.

"Kami dapat bertahan dan apabila dunia mempelajari bagaimana hendak menangani pengganas, kami jangka mudah-mudahan dapat pulih lebih cepat daripada negara-negara lain," katanya semasa berucap pada bengkel sempena Forum Ekonomi Dunia (WEF) yang diadakan di Waldorf-Astoria di sini hari ini.

Bengkel tersebut bertajuk 'Memastikan Aliran Modal Dalam Per-

sekitaran Tidak Berisiko'.

Beliau berkata, walaupun tragedi itu menjadikan keadaan semakin teruk, Malaysia mendapati ia tidak menghadapi masalah dalam menguruskan aliran modal menerusi persekitaran risiko yang minimum.

Malaysia, katanya, berkeyakinan bahawa menguruskan aliran modal secara demikian memudahkan dan berkesan daripada dalam suasana yang penuh berisiko.


Dr. Mahathir menambah ekonomi Malaysia memperoleh faedah kukuh daripada aliran modal yang dilakukan secara serius sekalipun ketika ia dibawa keluar.



"Tiada perubahan mendadak, tiada putar belit," tegasnya sambil menyatakan aliran berkenaan mungkin lebih kecil tetapi kurang gangguan."

Dalam usaha mempercepatkan lagi pemulihan ekonomi, Dr. Mahathir berkata, kerajaan menyuntik dana-dananya bagi

## ekonomi lebih pantas



merangsang pelaburan tempatan dan membantu pertumbuhan bidang-bidang yang masih berkeupayaan untuk berkembang.

"Kami amat berhati-hati dalam menguruskan kewangan dan kami dapat mengurangkan pergantungan pinjaman luar," jelasnya lagi.

Dr. Mahathir memberitahu para peserta majlis itu yang terdiri daripada pelbagai sektor dari serata dunia bahawa campur tangan kerajaan adalah bahagian penting dalam perniagaan, sekalipun dalam suasana perdagangan bebas.

"Globalisasi sebenarnya lebih melibatkan campur tangan kerajaan yang banyak dalam perniagaan," jelas beliau lagi yang secara berani memperkenalkan kadar pertukaran matawang yang tetap bagi Ringgit pada akhir 90-an bagi mengelak manipulasi keterlaluan pasaran saham oleh pelabur-pelabur gergasi asing.

Katanya lagi, kerajaan mempunyai tanggungjawab terhadap rakyat, para pekerja serta perniagaan tempatan dan negara-negara tidak wujud semata-mata untuk memperkayakan para pelabur sahaja.

Menceritakan pengalaman Malaysia, Dr. Mahathir berkata, perniagaan termasuk eksport berkembang pesat sekalipun selepas kerajaan menetapkan kadar pertukaran ringgit.

"Indeks Komposit Kuala Lumpur meningkat daripada 262 kepada hampir 900 mata, pengurangan hutang tidak berbayar, peningkatan pasaran modal dan meng-

urangkan tekanan kepada perniagaan Malaysia."

Perdana Menteri menambah para spekulator tidak gemar kepada suasana yang tidak wujud ketidaktentuan tetapi ahli perniagaan dan pelabur yang serius menyukainya.

Oleh itu, andaian negatif bahawa modal bukan sahaja akan mengelak Malaysia malah dibawa keluar dari negara ini apabila kerajaan melaksanakan peraturan berkaitan, tidak pernah menjadi kenyataan.

"Hari ini Indeks Komposit Kuala Lumpur berada dalam keadaan yang baik, melepasi tahap krisis kewangan," jelasnya. — Utusan